

Oleh Sri Ayu  
Kartika Amri  
kartika@mediapri-  
ma.com.my

**KL STRIKE FORCE BANTERAS PENIAGA ASING**

# DBKL bukan biarkan sahaja!

**Kuala Lumpur**

**D**ewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) terus melipatgandakan usaha membanteras peniaga warga asing yang menjalankan perniagaan secara haram di ibu kota, menerusi inisiatif operasi bersepadu *KL Strike Force*.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Dr Maimunah Mohd Sharif berkata, operasi *KL Strike Force* dilakukan secara berkala bersama Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

"DBKL ambil tindakan dan bukan biarkan sahaja isu itu (peniaga warga asing) berlaku, Bagaimanapun, orang ramai perlu faham, kehormatan warga asing tanpa permit bukan di bawah bidang kuasa DBKL.

"Itu bidang kuasa Imigresen, sebab itu setiap kali turun tapak, kami gerak sekali dengan semua agensi," katanya selepas merasmikan Pembukaan Laluan Pejalan Kaki Berbumbung Stesen LRT Taman Melati ke Tar UMT, di sini, semalam.

Beliau menjawab berkaitan isu tular peniaga warga asing yang masih menjalankan perniagaan secara haram di sekitar ibu kota.

Maimunah berkata, antara lokasi panas yang menjadi tumpuan operasi ialah Pasar Borong Kuala Lumpur.

Namun, beliau menjelaskan, serbuan turut dilakukan di kawasan lain secara

senyap dan strategik.

"Kami tidak umumkan semua lokasi. Kalau kami umum awal, nanti mereka (peniaga warga asing) lesap. Namun, yang penting, tindakan kami berterusan," katanya.

Beliau turut mengingatkan pemegang lesen perniagaan yang dikeluarkan DBKL supaya ia tidak disalah guna, khususnya disewakan atau dijual kepada pihak asing.

"Isu 'Ali Baba' ini antara punca kenapa peniaga asing terus berleluasa, lesen DBKL, tetapi yang berniaga orang lain. Saya minta semua peniaga tempatan jangan bersubahat. Ini tanggungjawab bersama," katanya.

Tambah beliau, program *KL Strike Force* menjadi platform utama bagi memastikan kawalan ketat terhadap peniaga tidak sah, seterusnya memelihara hak peniaga tempatan dan kestabilan ekonomi bandaraya.

"Kami tidak boleh bergerak berseorangan kerana kerjasama antara agensi serta jabatan penting. Apabila turun padang sama-sama, baru tindakan lebih berkesan dan menyeluruh," katanya.

Menurutnya, DBKL akan meneruskan tindakan dan pemantauan dari semasa ke semasa di lokasi tumpuan yang dikenal pasti.

Dalam pada itu, ditanya berkaitan perkembangan

siyasat dalam penguat kuasa DBKL dan peniaga belon, Muhammad Zaimuddin Azlan, 28, beliau berkata, pihaknya memberi ruang sepenuhnya kepada PDRM.

"Memandangkan isu ini turut disiasat polis, DBKL mengambil pendirian untuk tidak mengeluarkan sebarang ulasan lanjut buat masa ini sehingga siyasat polis selesai.

"Kami beri ruang kepada polis untuk membuat siyasatan," katanya.

Beliau berkata, pendekatan ini juga adalah selaras dengan komitmen DBKL untuk memastikan setiap siyasat dilaksanakan secara menyeluruh, adil dan berlandaskan prinsip integriti.



DR Maimunah (dua dari kiri) bersama ketika majlis perasmian laluan pejalan kaki berbumbung dari Universiti TAR-UMT ke stesen LRT Taman Melati. - Gambar NSTP/HAIRUL ANUAR RAHIM